

TR: 4:7:64

SPEECH BY THE DEPUTY PRIME MINISTER ON THE
MOTIONS OF PARLIAMENT (MEMBERS REMUNERA-
TION) ACT, 1960 - AMENDMENT IN THE DEWAN
RAKYAT ON 8TH JULY, 1964

Tuan Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan:

'Bahawa Majlis ini, menurut syarat-syarat fasal 4 dalam Parliament (Member Remuneration) Act tahun 1960, mengambil keputusan iaitu Pindaan yang berikut ini hendaklah dibuat kepada Jadual Undang-undang tersebut: Dalam Perenggan 9 —

Kalimah 'Members shall' hendaklah digantikan dengan kalimah 'A Member shall be exempted from the payment of hospital award charges and shall'; dan hendaklah ditambah syarat-syarat baharu seperti berikut:

'Where by reason of an emergency a Member is forced to obtain treatment (other than dental treatment) at a hospital, not being a Government hospital, there shall be reimbursed to the Member any sum paid by him to the said hospital in respect of the treatment'.

In this paragraph, the expression 'Member' includes his spouse and children, if any, of such Member.

Tuan Yang Di Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu maklum iaitu perenggan 9 dalam Jadual Parliament (Member Remuneration) Act tahun 1960 itu menyebutkan iaitu:

'Members shall be entitled to the same medical facilities as for Division One Officers of the general public service of the Federation'.

Jadi, ini bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat ada mempunyai hak berkenaan dengan bayaran hospital ini sama dengan Pegawai Division One. Pegawai-pegawai Kerajaan dalam Division One adalah dikenakan bayaran sebanyak satu ratus daripada gaji pokok bulanan mereka itu bagi tiap-tiap satu hari bagi mereka, isteri mereka atau anak mereka tinggal di hospital. Jadi mengikut pengertian perenggan 9 yang ada sekarang jni maka bermaknalah iaitu satu bayaran was yang dikenakan hendaklah dibayar oleh Ahli-ahli yang berkenaan dan isteri-isteri dan anak-anak Ahli lelaki berhak mendapat bayaran perubatan percuma. Tetapi suami-suami dan anak-anak Ahli perempuan tidak **mendapat** hak itu. **Tuan Yang Di Pertua**, Kerajaan sudah memang

mempunyai tujuan iaitu Ahli-ahli hendaklah dikecualikan daripada dikenakan bayaran wad ini.

Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan perubatan bagi suami-suami dan Ahli-ahli perempuan, Kerajaan sebenarnya sudah menyatakan dalam tahun dahulu iaitu suami-suami dan anak-anak Ahli perempuan pun hendaklah mendapat keistimewaan yang sama dengan yang diberikan kepada isteri-isteri dan Ahli-ahli lelaki. Kerajaan tidaklah berhajat hendak membeza dalam lapangan ini. Walaupun begitu keistimewaan mengenai kemudahan-kemudahan perubatan itu bolehlah diperolehi hanya apabila kemudahan tersebut diterima daripada rumah-rumah sakit Kerajaan sahaja dan tidak pula termasuk rawatan-rawatan gigi. Tetapi dalam masa kecemasan apabila rawatan terpaksa diperolehi daripada rumah sakit ataupun di gudang ubat saudagar, Kerajaan akan membayar kembali perbelanjaan yang boleh dikeluarkan mengenai rawatan itu. Jadi, Tuan Yang Di Pertua saya mohon mencadangkan supaya cadangan ini dipersetujui.